

143

MAJLIS AMANAT NAIB CANSELOR 1.1.2011 DIJANGKA MERIAH

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 27 Disember 2010 12:59

Kepada: UUM - All Staff


27 DISEMBER 2010/21 MUHARAM 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Azahar Kasim

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

Majlis Amanat Naib Canselor 1.1.2011 Dijangka Meriah



UUM ONLINE: Majlis Amanat Naib Canselor 2011 yang akan berlangsung pada 1.1.2011 di Dewan Mu'adzam Shah, di sini, dijangka meriah dan dapat menarik lebih 3,000 staf untuk mendengar ucapan Naib Canselor sempena tahun baru.

Ini kerana majlis pada kali ini diselitkan dengan pelbagai aktiviti serta diberi keistimewaan tertentu kepada staf bagi menggalakkan mereka untuk menghadirinya bagi mendengar ucapan berkenaan.

Staf yang hadir mendapat keistimewaan apabila diberi mata Pembelajaran Berterusan Universiti (PBU) serta mendapat cuti gantian kerana hadir pada majlis ini.

Majlis seperti ini juga amat baik bagi mengukuhkan hubungan silaturahim kerana jamuan tengah hari akan disediakan dan semua staf akan makan bersama sambil